

19/07/2002

Malaysia ambil peluang nyata pendirian kepada Powell

PUTRAJAYA, Khamis - Malaysia akan mengambil peluang lawatan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell ke sini akhir bulan ini, untuk menyampaikan pendirian negara berhubung rancangan Washington untuk menggantikan Yasser Arafat sebagai pemimpin Palestin.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia tidak bersetuju dengan rancangan Washington menukar pucuk kepemimpinan Palestin dan memberikan peranan simbolik kepada Arafat.

Beliau berkata, tindakan itu bertentangan dengan konsep kedaulatan negara merdeka dan hanya menyokong usaha Israel memencilkan Arafat.

Katanya, Malaysia, seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, berpendirian bahawa pertukaran pucuk kepemimpinan Palestin perlu ditentukan rakyat Palestin sendiri, bukan negara lain atau kuasa besar seperti Amerika.

"Oleh itu campur tangan negara luar untuk menentukan mana-mana pemimpin adalah perkembangan yang kurang sihat dan boleh melahirkan suasana yang tidak menentu.

"Apa yang patut disegerakan ialah pengunduran tentera Israel dari wilayah Palestin dan penubuhan negara Palestin yang merdeka supaya rakyatnya boleh memilih siapa saja yang mereka mahu jadikan pemimpin.

"Apabila Powell datang, kita akan sampaikan pendirian negara kita terhadap isu yang kita anggap penting untuk keselamatan dan keamanan dunia," katanya pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat dan menyampaikan watakah pelantikan Konsular Kehormat Malaysia ke Casablanca, Maghribi, Ahmed Faissel El-Kadiri, di Wisma Putra di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas pendirian serta langkah yang akan diambil Malaysia berhubung kenyataan Powell bahawa pentadbiran Amerika bersedia menimbang rancangan supaya pemimpin Palestin itu dinaikkan jawatan Presiden tanpa kuasa untuk membolehkan jawatan Perdana Menteri Palestin diwujudkan.

Powell yang akan mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 29 dan 30 Julai ini sebelum menghadiri Forum Serantau Asean dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean di Brunei pada 31 Julai, turut dilaporkan mengulangi pendirian Amerika bahawa Arafat tidak mempunyai peranan lagi dalam rundingan damai akan datang.

Sebelum ini, Amerika dilaporkan mahu mengisytiharkan Arafat sebagai persona non grata (individu yang tidak dikehendaki) dan menolak gesaan pemimpin Palestin itu menerusi surat yang diutuskan kepada Powell supaya pendudukan semula Israel terhadap beberapa bandar di Tebing Barat sejak tiga minggu lalu dihentikan.

Presiden Amerika, George W Bush, sebelum ini secara terbuka menuntut Arafat disingkirkan dan menyatakan pentadbirannya tidak akan berurusan dengan Arafat sekali pun beliau menang pada pilihan raya Palestin akan datang.

Bush menyifatkan Arafat sebagai penghalang kepada proses damai Israel-Palestin walaupun rejim Yahudi itu terus bertindak ganas membunuh rakyat Palestin.

Syed Hamid berkata, Malaysia juga akan meminta Amerika memainkan peranan positif dan berkesan dalam membantu menyelesaikan konflik di Palestin.

Katanya, Amerika mampu mengadakan formula yang memberi keselesaan kepada Israel dan pada masa yang sama mendaulatkan Palestin sebagai negara bebas dan merdeka sekiranya ia benar-benar mahu melihat keamanan di wilayah

berkenaan.

"Jangan kita (Amerika) fikir bila kita dapat ketepikan Arafat, kita akan dapat pemimpin yang mempunyai selera sama dengan kita. Paling penting ialah untuk kita selesaikan konflik itu, itulah punca masalah," katanya.